

08 JAN 1997

MESYUARAT MT UMNO MUNGKIN BINCANGKAN KES MUHAMMAD TAIB DAN PULAI CHONDONG

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Setiusaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik berkata mesyuarat Majlis Tertinggi parti itu Sabtu ini tidak mempunyai agenda khas.

Katanya seperti mesyuarat-mesyuarat MT yang lepas, anggota-anggota majlis akan membincang apa sahaja perkara yang difikirkan penting atau yang dibangkitkan oleh Presiden parti (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad).

"Tidak hairan jika keputusan pilihan raya kecil Pulau Chondong dan isu naib presiden Tan Sri Muhammad Haji Muhd. Taib dibangkitkan pada mesyuarat MT kali ini," katanya.

Pas menewaskan calon Barisan Nasional dengan majoriti 118 undi pada pilihan raya kecil Pulau Chondong manakala Muhammad yang juga Menteri Besar Selangor didakwa di Mahkamah Brisbane, Australia, pada 23 Dis. kerana gagal mengistiharkan wang bernilai RM 2.4 juta yang hendak dibawa keluar dari negara itu.-- BERNAMA

SJA WAT